



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 9/2021**

**PENYAMPAIAN DOKUMEN-DOKUMEN ATAU SURATCARA-SURATCARA
KEPADА PIHAK YANG MENGEMUKAKANNYA**

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya
2021**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 9/2021
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 9/2021**

**Penyampaian Dokumen-Dokumen Atau Suratcara-Suratcara Kepada Pihak
Yang Mengemukakannya**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir Tanah berhubung penyimpanan rekod akuan penerimaan balik dokumen-dokumen atau suratcara-suratcara oleh seseorang atau perbadanan yang telah dikemukakan untuk pendaftaran ataupun urusan-urusan lain.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Selaras dengan subseksyen 305(1)(e) Kanun Tanah Negara (Disemak-2020) [Akta 828], Pendaftar Hakmilik hendaklah mengembalikan suratan hakmilik keluaran, surat cara pendua pajakan, surat cara pendua pajakan kecil atau surat cara pendua gadaian kepada individu atau perbadanan yang mengemukakan dokumen-dokumen tersebut bagi tujuan pendaftaran. Subseksyen 310(1)(b)(iii) Akta 828 juga memperuntukkan Pendaftar Hakmilik hendaklah mengembalikan salinan pejabat surat kuasa wakil atau surat kuasa wakil yang asal kepada individu atau perbadanan yang menghantar dokumen tersebut setelah urusan pendaftaran telah selesai.
3. Subseksyen 305(2A) Akta 828 memperuntukkan bahawa Pendaftar Hakmilik hendaklah memaklumkan kepada individu atau perbadanan yang menghantar dokumen-dokumen atau suratcara-suratcara bagi tujuan pendaftaran untuk mengambil kembali dokumen tersebut setelah urusan pendaftaran telah selesai. Satu tempoh pengambilan kembali dokumen-dokumen tersebut perlu dimaklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan . Tempoh masa pengambilan kembali dokumen ini perlu dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri. Selaras dengan subseksyen 305(2B) Akta 828, satu fi yang telah dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri boleh dikenakan kepada individu atau perbadanan yang gagal mengambil semula dokumen-dokumen suratan hakmilik keluaran, surat cara pendua pajakan, surat cara pendua pajakan kecil atau surat cara pendua gadaian dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam pemakluman oleh Pendaftar Hakmilik.
4. Bagi membolehkan pihak Pentadbiran Tanah mempunyai rekod tindakan pengembalian dan pengambilan dokumen-dokumen yang dimaksudkan dalam subseksyen 305(1)(e) dan 310(1)(b)(iii) Akta 828 oleh individu atau perbadanan atau wakilnya, maka adalah dicadangkan supaya format seperti dibawah ini digunakan untuk mengesahkan penerimaan dengan menandatangani rekod yang mempunyai butir-butir seperti berikut:-

Rekod Dokumen-dokumen Atau Surat Cara – surat cara Yang Dikembalikan

Nombor Penyerahan	Jenis Dokumen	Nama dan Alamat Sipenerima	Tandatangan penerima atau Nombor Surat Berdaftar dan Nombor Surat-menyurat	Tarikh Diterima/ Dihantar

(Jika sesuatu dokumen atau suratcara itu dikembalikan melalui surat berdaftar, maka nombor surat berdaftar dan nombor fail surat tersebut hendaklah direkodkan di dalam ruangan tandatangan).

PEMBATALAN

5. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 26 Tahun 1974 (Disemak 2009) bertajuk Merekodkan Penyampaian Dokumen-dokumen Atau Surat-surat Cara adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)

KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail : JKPTG/950/100-1/7/1Jld.6 (12)

Tarikh : **31** Disember 2021